

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1987/88

YMP 403 - Penulisan dan Penerbitan Risalah,  
Majalah dan Jurnal

Tarikh: 4 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari  
(3 jam)

---

Jawab SEMUA soalan.

1. Anda adalah editor SISMA keluaran tahun hadapan. Rancangkan 10 buah idea rencana yang anda fikir sesuai dimuatkan dalam terbitan tersebut. Bincangkan tiap-tiap idea yang anda kemukakan.
2. Anda dilantik sebagai jurugambar SISMA. Bincangkan maklumat yang anda perlu ketahui untuk menjayakan tugas anda.
3. Bincangkan tujuh faktor yang anda perlu titikberatkan untuk menghasilkan rencana yang baik.
4. Menurut kajian-kajian yang dibuat beberapa penemuan menyokong amalan-amalan penerbitan majalah. Bincangkan perkara-perkara yang disukai pembaca dari sudut:
  - a. layout
  - b. tajuk
  - c. cutlines
5. "Siapa pembaca anda" akan mempengaruhi perancangan sesebuah majalah dari sudut (1) layout; (2) format; (3) muka depan; dan (4) isi kandungan. Bincangkan untuk tiap-tiap satu.
6. Bincangkan ciri-ciri sebuah rencana profail yang baik.
7. Baiki ayat-ayat berikut:
  - (a) Dengan wujudnya pemimpin seperti beliau merupakan rahmat kepada masyarakat kerdil itu.
  - (b) Saliza, manis enam belas, telah menunjukkan bakat sebagai seorang pelukis.

...2/-

- (c) Adalah tidak mustahil bahawa suatu hari nanti kita semua dapat pergi bercuti ke bulan.
- (d) Setiap penduduk hendaklah menyumbangkan ke arah kejayaan rancangan tanah ini.
- (e) Kelihatan gadis-gadis India dalam sari dan bertocang panjang sedang sibuk memilih barang-barang kemas yang tersusun rapi dalam kotak cermin di kedai-kedai ini.
- (f) Tiba-tiba perjalanan perbincangan terganggu oleh kedatangan seorang rakan mereka.
- (g) Ketika sampai di pintu bilik tersebut, dia kelihatan sedang berkhayal.
- (h) Kami semua balik ke kem pada pagi itu dengan hati lega serta dengan bau busuk kerana tidak mandi selama empat hari.
- (i) Dengan adanya inisiatif dari pihak Utusan Melayu ketika itu telah melahirkan sebuah persatuan orang-orang Melayu yang dikenali dengan nama UMNO.
- (j) Minat membaca di kalangan masyarakat dan kemajuan pengiklanan, alat-alat sebaran am terus berkembang dengan pesat, peranan yang dimainkan oleh komunikasi massa terus juga meluas.

-oooOoooo-